



**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
KENYATAAN MEDIA**

**KSM TINGKATKAN OPERASI URUS PERMOHONAN PEKERJA WARGA ASING**

1. Kementerian Sumber Manusia komited meningkatkan kapasiti operasi harian bagi mempercepatkan proses kelulusan kuota pekerja asing. Ini termasuklah penambahan waktu bekerja sehingga hari Sabtu dan Ahad bagi memastikan keperluan mendesak industri terhadap guna tenaga asing dapat dipenuhi dengan kadar segera.
2. Dalam masa yang sama, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 13 April 2022 telah bersetuju agar KSM menubuhkan satu *One Stop Centre* (OSC) Khas bagi menyegerakan proses kelulusan permohonan pekerja warga asing. Justeru, bagi memenuhi aspirasi Mesyuarat Jemaah Menteri tersebut, KSM telah menubuhkan satu OSC Khas yang telah mula beroperasi pada 18 April 2022 di mana kapasiti harian pemprosesan permohonan telah ditingkatkan dan masa operasi turut dipanjangkan.
3. Kementerian Sumber Manusia memahami bahawa isu pekerja asing ini adalah amat kritikal dan ingin mengingatkan kepada semua majikan agar mengemukakan permohonan secara atas talian dengan lengkap dan disertai semua dokumen berkaitan. Para majikan yang mana permohonan mereka telah ditolak sebelum ini boleh mengemukakan semula permohonan untuk diberi pertimbangan sewajarnya.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
PUTRAJAYA  
22 APRIL 2022**